



KENYATAAN SEBUT HARGA

1) Penyebut harga adalah dipelawa seperti yang berikut:-

Tajuk/Butiran Sebut Harga	Kelayakan Penyebut Harga	Harga Dokumen	Tarikh Tutup
Cadangan Perkhidmatan Pemothongan Rumput, Pembersihan Kawasan dan Loji Rawatan Kumbahan serta Kerja-Kerja yang Berkaitan di Taman Seri Saujana, Taman Seri Saujana Permai, Taman Seri Putera & Taman Ilmu, Seberang Perai Selatan, dan Permatang Pauh, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang Untuk Tetuan JKP Sdn. Bhd. Dokumen Sebut Harga: JKP/Q/PROJEK/2024/17R	a. Berdaftar dengan SSM	RM20.00 Boleh dibeli pada tarikh seperti berikut: 08 November, 2024 sehingga 18 November 2024	19 November 2024 Sebut harga yang diterima selepas 12:00 tengah hari tidak akan dipertimbangkan

- 2) Dokumen Sebutharga boleh didapati di:-
**Bahagian Kontrak
JKP Sdn. Bhd.
Tingkat 14, Menara JKP,
No. 128, Jalan Macalister,
10400 Pulau Pinang.**
- pada waktu berikut:-
**Isnin - Khamis : 9.00 pg - 1.00 ptg
: 2.00 ptg - 5.00 ptg
Jumaat : 9.00 pg - 12.00 tgh
: 2.45 ptg - 5.00 ptg**
- 3) Penyebut harga mesti membawa **Sijil ASAL (ORIGINAL)** atau salinan yang diakui **SAH (CTC) semua dokumen seperti disyaratkan di dalam jadual yang lengkap dan masih dalam tempoh sahlaku** dan sesalinan untuk simpanan Pejabat JKP Sdn. Bhd. serta **Surat Perwakilan** (sekiranya wakil syarikat selain Pemilik yang hadir) bagi mendapatkan Dokumen Sebut Harga.
- 4) Bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk Bank Deraf atau *Money Order* atas nama "JKP SDN. BHD". Pembayaran secara **wang tunai tidak akan diterima**. Bayaran dokumen sebut harga tidak akan dikembalikan kepada penyebut harga.
- 5) Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam dua (2) sampul surat **berlakri (sealed) BERASINGAN** seperti di **Senarai Semak** dan **bertanda Nombor Sampul, Nombor Sebut Harga JKP/Q/PROJEK/2024/17R** serta **Tajuk Sebut Harga**.
- 6) Dokumen Sebut Harga yang telah siap hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga di Tingkat 14, Menara JKP, No. 128, Jalan Macalister, 10400 Pulau Pinang** pada tarikh dan waktu yang dinyatakan dalam jadual. Serahan secara e-mel adalah **TIDAK DIBENARKAN**.
- 7) Pihak JKP Sdn. Bhd. tidak terikat untuk menerima tawaran sebut harga terendah atau sebarang tawaran atau memberi apa-apa sebab sesuatu sebut harga itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang perbelanjaan berhubung dengan sebut harga ini dan sebarang keputusan adalah muktamad.
- 8) Sebarang pertanyaan berhubung pelawaan sebut harga ini, boleh hubungi **En. Saifulizan / En. Akmal** di talian **04-2284076**.